

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### A. Latar Belakang Masalah

Secara umumnya Mahkamah Syariah ialah institusi kehakiman yang membicarakan serta menjatuhkan hukuman ke atas orang Islam bagi kesalahan sivil dan jenayah agama mengikut bidang kuasa yang diperuntukan untuknya. Mahkamah Syariah yang terletak di sebuah kota/bandar di Negeri Kelantan yang dinamakan Kota Bharu yaitu Mahkamah Syariah Kota Bharu. Tinjauan umum tentang Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu Kelantan. Sejarah Berdiri Dan Latar Belakang Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu Kelantan. Mahkamah Syariah pertama kali didirikan di negeri Kelantan adalah pada tahun 1060 H bersamaan 1650 M. Undang-undang yang berlaku pada masa itu adalah undang-undang Islam. Kemuncak perjalanan undang-undang Islam adalah pada zaman pemerintahan Sultan Mohamed III dari tahun 1890- 1891 di mana pencuri-pencuri yang terbukti bersalah di Mahkamah Syariah yang berada di Kota Bharu pada waktu itu dikenakan Hukum Hudud<sup>1</sup>.

Kondisi ini berlanjutan sampai adanya campur tangan (intervensi) penjajah yang telah memperkenalkan undang-undang mereka ke dalam sistem perundangan yang berlaku pada waktu itu dan mengesampingkan undang-undang Islam sedikit demi sedikit melalui enakmen yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang di Mahkamah Syariah sehingga hanya undang-undang yang berkaitan dengan keluarga Islam saja yang diberlakukan. Sebagai misalnya Enakmen Tahun 1919 yang membatasi bidang kuasa (yurisdiksi) Mahkamah Syariah yang ada di Kota Bharu pada masa itu<sup>2</sup>.

---

<sup>1</sup> Bagian Pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, Sejarah Penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, (Kota Bharu: Mahkamah Syariah, 1998), Hlm. 1.

<sup>2</sup> Notis Nomor 33 Tahun 1919 (pembagian harta benda laki bini (suami istri) Kelantan).

Latar belakang usaha ke arah mewujudkan Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu Negeri Kelantan bisa dilihat pada perkembangan kronologis sebagaimana berikut<sup>3</sup>. Yakni pada tanggal 4 Desember 1972, Majelis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam telah melakukan musyawarah dan menyetujui keberadaan Mahkamah Syariah yang diketuai oleh Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Ismail, termasuk juga mengenai kedudukan Mahkamah Syariah tersebut dan juga keinginan untuk memperbaiki taraf Qadi-qadi Syariah seluruh Malaysia.

1. Perceraian adalah melepaskan ikatan perkawinan atau mengakhiri hubungan suami isteri. Perkawinan dapat putus dan berakhir karena berbagai faktor, antara lain kerana terjadinya yang dijatuhkan oleh suami terhadap isterinya, atau karena perceraian yang terjadi antara keduanya, atau karena sebab-sebab lain.<sup>4</sup> Perceraian bisa berlaku diluar pengadilan dan di pengadilan, namun siapa saja boleh mengajukan perceraian baik suami sebagai cerai talak maupun isteri sebagai cerai gugat.

2. Mahkamah Syariah Kelantan adalah institusi kehakiman yang membicarakan serta menjatuhkan hukuman ke atas orang islam bagi kesalahan dalam permasalahan agama mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan untuknya. Mahkamah di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Kedua-dua mahkamah ini mempunyai bidang kuasa yang tersendiri. Bidang kuasa Mahkamah Syariah terbatas kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama islam. Mahkamah ini membicarakan perkara yang berkaitan dengan perkawinan, perceraian, nafkah, hak penjagaan anak dan perkara-perkara yang berkaitan dengan harta menurut undang-undang atau hukum agama Islam.<sup>5</sup>

---

<sup>3</sup> Bagian Pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, op.cit., Hlm. 3.

<sup>4</sup> A. Tihami, Sohari Sahrani, FIKIH MUNAKAHAT Kajian Fikih Nikah Lengkap, Edisi Pertama, Cetakan Kedua, Jakarta, Rajawali Pers, 2010. hlm. 229 .

<sup>5</sup> Andek Masnah Andek Kelawa, Kepimpinan Wanita Dalam Islam (Kedudukannya Dalam Syariah), Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 1999. Hlm. 145.

Islam menganjurkan perkawinan, karena ia merupakan jalan yang paling sehat dan tepat untuk menyalurkan kebutuhan biologis. Pernikahan juga merupakan sarana yang ideal untuk memperoleh keturunan, di mana suami isteri mendidik serta membesarkannya dengan penuh kasih sayang dan kemuliaan, perlindungan serta kebesaran jiwa. Selain itu, nikah juga merupakan pencegah penyaluran kebutuhan seks pada jalan yang tidak dikehendaki agama. Nikah mengandung arti larangan menyalurkan potensi seks dengan cara-cara di luar ajaran agama atau menyimpang. Itulah sebabnya agama melarang pergaulan bebas, dansa-dansi, gambar-gambar porno serta cara lain yang dapat menenggelamkan nafsu berahi atau kejahatan seksual yang tidak dibenarkan oleh agama.<sup>6</sup>

Pembubaran perkawinan adalah sesuatu yang lumrah dalam kehidupan berumah tangga. Ada pasangan yang bernasib baik dimana rumah tangga mereka kekal sampai ke anak cucu. Ada juga yang kematian pasangan dimana dia terpaksa melalui hidup berumah tangga berseorangan bersama anak-anak. Namun tidak kurang pula yang menghadapi masalah rumah tangga hingga berlakunya perceraian.

Malaysia, sebagai sebuah negara berbilang kaum maka terdapat dua kategori undang-undang perkawinan dan perceraian, yaitu undang-undang persendirian (*private law*) dan apabila ia melibatkan agama ia menjadi undang-undang peribadi (*personal law*). Oleh karena Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri maka hal ehwal perkawinan dan perceraian orang islam dikawal oleh undang-undang Islam yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan diberlakukan oleh Mahkamah syariah setiap negeri.<sup>7</sup> Manakala

Peradilan Agama di Malaysia disebut Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah ialah institusi kehakiman yang membicarakan serta menjatuhkan hukuman ke atas orang Islam bagi kesalahan dalam permasalahan agama mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan untuknya. Mahkamah

---

<sup>6</sup> Sayyid Sabiq, Fikih Sunnah jilid 9, Bandung: Alma' arif. 1997, hlm. 86

<sup>7</sup>Rozi Bainon, *Wanita penghapusan dikriminasi dari perspektif islam dan undang-undang Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1999, hlm 55.

di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Kedua-dua mahkamah ini mempunyai bidang kuasa yang tersendiri. Bidang kuasa Mahkamah Syariah terbatas kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama Islam. Mahkamah ini membicarakan perkara yang berkaitan dengan perkawinan, perceraian, nafkah, hak penjagaan anak dan perkara-perkara yang berkaitan dengan harta menurut undang-undang atau hukum agama Islam<sup>8</sup>.

Seluruh permasalahan tersebut diketogerikan di dalam Kasus (perkara) di bawah Seksyen Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam No. 6/2002 Negeri Kelantan. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan mula ditubuhkan berdasarkan Seksyen 8(1), (2), (3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan 1982 (Pindaan 1998). Penubuhannya berkuatkuasa pada 16hb Julai 1998 mengikut Warta Kerajaan Negeri Kelantan Jld.51 Nombor 7 yang bertarikh 26hb Mac 1998. Sebelum itu, Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri Kelantan dibawah Pejabat Qadhi Besar Kelantan dan diketuai Qadhi Besar yang kemudian diubah kepada Ketua Hakim Syarie mulai pada 16hb Ogos 1998.<sup>9</sup> Seterusnya bagi alasan yang berlaku pada undang-undang di Mahkamah Syariah Kelantan yaitu didalam Enakman no 6 Tahun 2002 Enakman Undang-Undang Keluarga Islam 2002 Bahagian V<sup>10</sup> - Pembubaran Perkawinan :

1. Seksyen 45 Tentang takat kuasa untuk membuat sesuatu perintah.
2. Seksyen 46 Tentang Pertukaran agama.
3. Seksyen 47 Tentang Perceraian dengan talak atau dengan perintah.
4. 4. Seksyen 48 Tentang timbangtara oleh Hakam.
5. Seksyen 49 Tentang Perceraian khulu' atau cerai tebus talak.
6. Seksyen 50 Tentang Perceraian dibawah taliq atau janji.
7. Seksyen 51 Tentang Perceraian dengan li'an.

---

<sup>8</sup> Andek Masnah Andek Kelawa, loc.cit, Hlm. 145

<sup>9</sup> Abdul Monir Yaacob. 2015. Kehakiman Islam dan mahkamah Syariah. Selangor, Malaysia: Universiti Islam Malaysia

<sup>10</sup> Enakman no 6 Tahun 2002 Enakman Undang-Undang Keluarga Islam 2002

8. Seksyen 52 Tentang Hidup semula sebagai suami isteri atau rujuk’.
9. Seksyen 53 Tentang Perintah untuk membubarkan perkawinan atau untuk
10. Seksyen 54 Tentang Anggapan Mati.
11. Seksyen 55 Tentang Penyenggaraan Daftar Perceraian dan Pembatalan
12. Seksyen 56 Tentang Pendaftaran perceraian.
13. Seksyen 57 Tentang perceraian di luar Mahkamah.
14. Seksyen 58 Tentang Mut’ah atau pemberian suguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.
15. Seksyen 59 Tentang Hak terhadap mas kawin dan sebagainya tidak akan di sentuh.

Perkawinan adalah ikatan yang suci, islam telah mengiktiraf perceraian dalam keadaan yang tertentu dan amat mendesak. Pada semua masyarakat tidak menyenangi perceraian. Bagaimanapun, Islam telah memperuntukkan cara untuk menamatkan sesuatu perkawinan sekiranya kontrak perkawinan tidak lagi dapat memenuhi fungsinya. Perceraian dibenarkan apabila perlu untuk menghindari berlakunya hal-hal buruk sekiranya. Perkawinan itu dikekalkan<sup>11</sup>.

Perceraian menjadi suatu kepastian sekiranya tidak terdapat lagi kemungkinan untuk memulihkan keadaan semula atau tidak bisa lagi mewujudkan harapan untuk baik lagi seperti semula di antara pasangan suami isteri. Perceraian dilakukan sekiranya apabila sebelah pihak menyakiti pihak yang lain atau berlaku curang atau dengan sengaja mengabaikan tanggungjawab. Sebaliknya perceraian dilarang jika alasannya kecil dan tidak kukuh. Secara ringkas, meskipun Islam meginginkan perkawinan yang kekal dan abadi, tetapi islam tidak melarang berlakunya perceraian. Walaupun undang-undang Islam membenarkan perceraian, ia menghendaki agar pihak suami atau istri tidak bertindak dengan terburu-buru atau

---

<sup>11</sup> Ahmad, K,N, *Muslim Law of Divorce*, Islamabad, 1978, hlm. 4.

bertindak secara spontan disebabkan oleh perasaan marah. Oleh karena itu undang-undang Islam memberikan peluang untuk berdamai kembali.<sup>12</sup>

1. Bagi tujuan tersebut syarat-syarat tertentu telah dikenakan oleh undang undang berhubung dengan hak pasangan untuk mengakhiri perkawinan apabila perceraian dilakukan sebagai tindakan yang terakhir melalui undang-undang. Seorang suami haruslah waras, sedar berwaspada dan bertindak dalam keadaan yang tenang. Perkawinan hanya ditamatkan selepas jangka waktu minimum tiga kali istri mengalami haid, bermula dari lafaz cerai. Di samping itu, istri tidak boleh sama sekali mengadakan hubungan intim selama masa suci.

Meskipun Qadi boleh membubarkan suatu perkawinan atas sebab-sebab tertentu, tetapi beliau tidak dapat melaksanakan tugas ini melainkan setelah mendapat aduan dari pihak yang terlibat terlebih dahulu. Aduan itu haruslah datang dari pihak istri yang meminta suaminya menceraikannya karena mau melepaskan dirinya dari kezaliman. Apabila hubungan suami isteri sampai ke peringkat merusak batas-batas kerukunan rumahtangga menurut hukum syarak maka qadi boleh menggunakan kuasanya untuk membubarkan perkawinan mereka.<sup>13</sup>

Setiap *enakmen* mempunyai otoritas untuk mengubah dan menyatukan Undang-undang Keluarga Islam mengenai perkawinan, perceraian, nafkah, penjaga dan permasalahan lain yang terkait dengan kehidupan berkeluarga. Enakmen ini boleh disebut sebagai Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan Tahun 2002. Enakmen ini harus diberlakukan pada tanggal yang telah ditetapkan oleh Duli yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam warta, media massa dan cetak. *Enakmen* ini berlaku untuk semua orang islam yang tinggal dalam Negeri Kelantan Darul Naim maupun yang tinggal di luar Negeri itu<sup>14</sup>

Berdasarkan data yang diperoleh dari kasus perceraian disebabkan beberapa faktor. Dari kasus keseluruhannya yaitu

---

<sup>12</sup> *Ibid*, hlm.5

<sup>13</sup> Saleh ismail, *Pembubaran perkawinan mengikut fiqh dan undang-undang keluarga islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 2003, hlm 29.

<sup>14</sup> Bagian Pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, *op.cit.*, Hlm.26

sebanyak 3550 dari tahun 2015 hingga 2018, maka didominasi, secara umum faktor yang menjadi pemicu utama sebagai permasalahan perceraian adalah dalam permasalahan tiada kesefahaman sebanyak 1300 kasus, seterusnya permasalahan keuangan sebanyak 1265 kasus, manakala permasalahan persetujuan bersama sebanyak 500 kasus, dan Isteri meninggalkan suami sebanyak 180 kasus. Seterusnya Suami Tidak Bertanggung Jawab sebanyak 165 kasus. Selain itu, permasalahan Jenayah sebanyak 30 kasus, hal ini yang bersangkutan dengan Hukum Pidana. Berlakunya keganasan Dalam rumah tangga. pula sebanyak 50, permasalahan poligami sebanyak 40 dan permasalahan keagamaan yaitu murtad sebanyak 20 kasus.

Dilihat Pada permasalahan bahwa punca perceraian yang terjadi merupakan penyebab berlakunya tidak ada kesefahaman menjadi pemicu utama sebagai faktor penyebab perceraian, dari permasalahan ini tidak dapat untuk penulis tentukan apakah ia dikarenakan pihak suami atau isteri yang menjadi penyebab timbulnya permasalahan perselihan dalam hubungan suami isteri. Dari segi permasalahan keuangan merupakan kasus kedua tertinggi, sememangnya pihak suami berkewajiban dalam mencari nafkah dan mengurus ekonomi keluarga, akan tetapi hal ini menjadi sukar jika pihak suami tidak mempunyai perkerjaan. Di ikuti dengan permasalahan persetujuan bersama, kasus ini merupakan pihak suami dan isteri sendiri yang menginginkan hubungan mereka bercerai. Faktor persetujuan bersama, menjadi penyebab yang ketara dalam penigkatan perceraian ini karena perceraian persetujuan bersama amat mudah jika diajukan perceraian di mahkamah.

Meskipun perceraian ini dikenakan denda ia tidak menjadi halangan bagi pasangan tersebut yang menginginkan perceraian. Dari faktor perceraian yang berlaku, keseluruhan perceraian yang terjadi di Mahkamah Syariah kelantan meyoritasnya perceraian yang bermula dari pihak suami yang melafazkan cerai diluar Mahkamah. Dengan ini, penulis beraggapan sikap seorang suami yang tidak kaut dalam menanggung beban sebagai seorang suami dalam mencari dan mengurus keuangan keluarga, maka karena itu banyak terjadi perceraian yang

diluar Mahkamah. Maka dari permasalahan ini, tempoh pernikahan pasangan di Kelantan hanya dapat bertahan selama lima tahun saja.

## **B. Rumusan masalah**

Berdasarkan latar belakang yang telah diuraikan diatas, maka penulis merumuskan beberapa masalah sebagai berikut:

1. Bagaimana pemberlakuan dan mekanisme perceraian di Mahkamah Syariah Kota Bharu Kelantan?
2. Bagaimana faktor penyebab terjadinya perceraian di Mahkamah Syariah Kota Bharu Kelantan?
3. Bagaimana upaya hakim dalam menangani dan menyelesaikan perkara perceraian di Mahkamah Syariah Kota Bharu Kelantan?

## **C. Tujuan Penelitian**

1. Untuk mengetahui Pemberlakuan dan mekanisme Perceraian di Mahkamah Syariah Kota Bharu Kelantan.
2. Untuk mengetahui dan memahami faktor penyebab terjadinya penceraian di Mahkamah Syariah Kota Bharu Kelantan.
3. Untuk mengetahui upaya hakim dalam menangani dan menyelesaikan perkara perceraian yang berlaku di Mahkamah Syariah Kota Bharu Kelantan.

## **D. Manfaat Penelitian**

1. Kepentingan Akademis

Supaya dapat melengkapi wawasan para akademis atau mahasiswa untuk lebih mengembangkan kajian tentang perceraian dan undang-undang yang mengatur di Malaysia.

## 2. Kepentingan Praktis

Penelitian dapat memberi masukan kepada pihak yang berwenang seperti Mahkamah Syariah dan untuk memenuhi salah satu syarat akademik guna mendapat gelar Sarjana Hukum.

### **E. Kerangka Pemikiran**

Adapun kerangka pemikiran yang diambil dari berbagai pendapat yang membahas mengenai perceraian yaitu dijelaskan sebagai berikut:

Teori yang diambil oleh penulis ialah dengan menggunakan teori penegakan hukum yang dimaksudkan dengan teori penegakan hukum ialah Penegakan hukum dalam bahasa belanda disebut dengan rechtstoepassing atau rechtshandhaving dan dalam bahasa inggris law enforcement, meliputi pengertian yang bersifat makro dan mikro. Bersifat makro mencakup seluruh aspek kehidupan masyarakat, berbangsa dan bernegara, sedangkan dalam pengertian mikro terbatas dalam proses pemeriksaan di pengadilan termasuk proses penyelidikan, penyidikan, penuntutan hingga pelaksanaan putusan pidana yang telah mempunyai kekuatan hukum tetap.<sup>15</sup>

Penegakan hukum merupakan suatu upaya pemerintah untuk menciptakan keadilan dalam kehidupan masyarakat. Akan tetapi penegakan hukum yang dilakukan sampai saat ini sangat bertolak belakang dengan prinsip penegakan hukum yang sebenarnya. Masyarakat yang seharusnya memperoleh perlindungan hukum akan hak-haknya malahan menjadi merasa ditindas.

---

<sup>15</sup> Chaerudin, Syaiful Ahmad Dinar, Syarif Fadillah, 2008. Strategi Pencegahan Dan Penegakan Hukum Tindak Pidana Korupsi, Refika Editama, Bandung, hlm. 87.

Fenomena yang menganggap hukum belum mampu sepenuhnya member rasa aman, adil dan kepastian perlu dicermati dengan hati-hati. Dari fenomena tersebut muncul ekspektasi agar hukum dapat ditegaskan secara tegas dan konsisten, karena ketidakpastian hukum dan kemerosotan wibawa hukum akan melahirkan krisis hukum<sup>16</sup>.

Menurut Soerjono Soekanto, mengatakan bahwa penegakan hukum adalah kegiatan menyasikan hubungan nilai-nilai yang terjabarkan dalam kaidah-kaidah mantap dan sikap tindak sebagai rangkaian penjabaran nilai tahap akhir. Untuk menciptakan, memelihara dan mempertahankan kedamaian pergaulan hidup.<sup>17</sup>

Pada tahun 1988, Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan telah dipinda (Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 Akta A704) dengan menyebut didalam Fasal 1 (1A) yang maksudnya Mahkamah – mahkamah yang disebut dalam Fasal(1) tidaklah boleh mempunyai bidangkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah (Abdul Monir Yaacob, 2009). Pada masa dahulu sebelum pindaan itu dibuat terdapat banyak kes dimana Mahkamah Sivil telah membuat keputusan mengenai perkara yang termasuk dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah dan adakalanya telah mengubah keputusan yang telah dibuat di Mahkamah Syariah. Pindaan ini telah mengurangkan sedikit percanggahan kuasa dan pertindihan hukum antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil walaupun pada hakikatnya masih jauh dari menghapuskan sama sekali pertindihan dan percanggahan tersebut. Pindaan kepada Perkara 121 dan Perkara 5 memberi nafas baru khususnya kepada bidangkuasa Mahkamah Syariah. Perkara 121 fasal (1) menyatakan bahawa terdapat dua Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidangkuasa yang selaras dan setaraf. Fasal (1A) telah ditambah kepada Perkara 121 dengan memperuntukkan, "Mahkamah-mahkamah yang disebutkan dalam fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidangkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam

---

<sup>16</sup> Chaerudin, Syaiful Ahmad Dinar, Syarif Fadillah, 2008. Op.Cit, hlm. 55

<sup>17</sup> Soerjono Soekanto, 1983, Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penegakan Hukum, UI Pres, Jakarta, hlm.35

bidangkuasa Mahkamah Syariah .Kesannya ialah apa saja yang di dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah, Mahkamah Tinggi tidak boleh campur tangan seperti dalam soal harta pesaka, penjagaan kanak-kanak (hadanah) dan sebagainya. Namun begitu jika dilihat dengan lebih mendalam bidangkuasa Mahkamah Syariah sangatlah terhad. Ia hanya mempunyai bidangkuasa ke atas orang yang beragama Islam dan dalam perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Syariah dengan itu tidak mempunyai bidangkuasa ke atas pihak-pihak yang bertikai yang salah seorangnya bukan Islam. Misalnya, dalam soal hadanah jika ibunya seorang bukan Islam dan bapanya seorang Islam, perkara ini masih boleh dibawa ke Mahkamah Sivil dan diputuskan di situ. Dalam Akta Pembaharuan Undangundang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976,

Mahkamah Sivil diberi kuasa untuk membenarkan perceraian jika pihak pada perkahwinan tersebut yang dijalankan bukan secara Islam, telah memeluk agama Islam dan pihak yang satu lagi yang tidak memeluk agama Islam boleh membawa petisyen ke mahkamah (Ahmad Ibrahim 1989). Apa yang tidak diperuntukkan oleh pindaan tahun 1988 itu ialah kenaikan taraf Mahkamah Syariah dalam bidangkuasa jenayah. Pada amnya Parlimen mempunyai bidangkuasa jenayah yang luas dibandingkan dengan DewanUndangan Negeri kerana Dewan Undangan Negeri seperti yang dirujuk sebelum ini hanya berkuasa membuat undang-undang bagi menghukum kesalahan-kesalahan orang-orang Islam terhadap agama Islam kecuali apajua perkara yang telah diperuntukkan dalam senarai Persekutuan Keluarga Islam 2002 Bahagian V - Pembubaran Perkawinan :

1. Seksyen 45. Takat kuasa untuk membuat sesuatu perintah.
2. Seksyen 46. Pertukaran agama.
3. Seksyen 47. Perceraian dengan talak atau dengan perintah.
4. Seksyen 48. Timbangtara oleh Hakam.
5. Seksyen 49. Perceraian khulu' atau cerai tebus talak.

6. Seksyen 50. Perceraian dibawah ta'liq atau janji.
7. Seksyen 51. Perceraian dengan li'an.
8. Seksyen 52. Hidup semula sebagai suami isteri atau rujuk'.
9. Seksyen 53. Perintah untuk membubarkan perkawinan atau untuk fasakh.
10. Seksyen 54. Aggapan Mati.
11. Seksyen 55. Penyenggaraan Daftar Perceraian dan Pembatalan.
12. Seksyen 56. Pendaftaran perceraian.
13. Seksyen 57. Pendaftaran perceraian di luar Mahkamah.
14. Seksyen 58. Mut'ah atau pemberian saguhati kepada perempuan yang dicerai tanpa sebab yang patut.
15. Seksyen 59. Hak terhadap mas kawin dan sebagainya tidak akan di sentuh.

## **F. Langkah-langkah Penelitian**

### **1. Metode Penelitian**

Dalam penelitian ini penulis Menggunakan metode Penelitian kepustakaan (library research) yaitu menjadikan bahan pustaka sebagai sumber data utama yang bermaksud penelitian ini menggunakan cara pengumpulan data-data dengan membaca dan menelaah kitab Undang-undang, buku-buku, kamus, jurnal-jurnal, majalah dan dari halaman web yang bersangkutan.

### **2. Sumber Data**

Penentuan sumber data didasarkan atas jenis data yang telah ditentukan. Pada tahapan ini ditentukan sumber data primer dan data skunder, terutama penelitian yang bersifat normatif yang berdasarkan pada sumber dokumen atau bahan bacaan.

Penelitian ini yang dijadikan sumber data terdiri dari sumber data terdiri dari sumber data primer ialah data yang diperoleh atau dikumpulkan langsung dilapangan dari sumber asli oleh orang yang melakukan penelitian. Data primer ini juga disebut data asli. Data tersebut diperoleh melalui wawancara dengan pegawai mahkamah syariah dan hakim mahkamah syariah berkenaan dengan faktor terjadinya perceraian. Sedangkan sumber data skunder ialah data yang dikumpulkan oleh orang yang melakukan penelitian dari sumber-sumber yang telah ada. Data ini diambil atau diperoleh dari sumber pustaka yang berkaitan dengan masalah yang diteliti oleh penulis atau dari laporan-laporan penelitian terdahulunya.

### 3. Teknik Pengumpulan Data

Wawancara adalah salah satu teknik pengumpulan data informasi atau pendapat yang dilakukan melalui percakapan atau Tanya jawab baik secara langsung maupun tidak langsung dengan sumber data. Yang dimaksud dengan wawancara langsung adalah wawancara yang dilakukan secara langsung antara pewawancara (interview) dengan orang yang diwawancara tanpa melalui perantara. Sedangkan wawancara tidak langsung adalah pewawancara menanyakan sesuatu melalui perantara orang lain tidak langsung pada sumbernya. Melalui wawancara ini diharapkan dapat melengkapi data dari hasil observasi dan dimaksud dalam rangka memperoleh informasi tentang Faktor terjadinya perceraian penulis berusaha mengumpulkan data yang berhubungan dengan penelitian yaitu dengan cara mengkaji melalui buku-buku yang ada kaitanya dengan permasalahan penelitian sebagai acuan dan merupakan landasan analisis teoritis.

### 5. Analisis Data

Dalam Penelitian ini proses analisis data yang akan di tempuh:

- a) Mengumpulkan data yang sesuai dengan penelitian.
- b) Mengelompokan data sesuai dengan jenis data.

- c) Menghubungkan antara data dengan mengacu pada kerangka kerja pemikiran yang telah ditetapkan.
- d) Menarik kesimpulan

